

**Pendokumentasian Biografi Pemuzik Negara: Fauzi Marzuki
Dalam Industri Muzik Tanah Air**

Nabiela Harniesha Binti Norazli
Nur Syahirah Binti Shafie
Mazlina Pati Khan
Jannatul Iza Ahmad Kamal

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini adalah merujuk kepada sumber dokumentasi lisan mengenai pemuzik negara yang disegani iaitu Fauzi Marzuki. Artikel ini membincangkan tentang latar belakang serta perjalanan hidup beliau sepanjang berkecimpung dalam industri muzik tanah air. Artikel ini juga mengupas tentang kolaborasi beliau bersama artis-artis tempatan yang terkenal serta penglibatan beliau di stesen-stesen televisyen awam dan swasta. Selain daripada itu, artikel ini mengupas tentang cabaran beliau dalam menghasilkan sesebuah karya lagu, pencapaian dan anugerah-anugerah yang dimenangi oleh beliau sepanjang berkecimpung dalam industri muzik tanah air. Akhir sekali, artikel ini juga menyentuh tentang kerjaya beliau sebagai pensyarah sambil untuk memberi tunjuk ajar kepada pelapis muda dalam penghasilan karya lagu.

Kata Kunci: Biografi, Pemuzik Negara, Fauzi Marzuki, industri muzik, penyanyi, artis-artis tempatan

Pengenalan

Muzik adalah salah satu unsur dalam kehidupan yang sangat anjal sifatnya. Kerana itu pengertian dan fungsi muzik dalam kehidupan adalah pelbagai. Salah satu fungsi asas muzik adalah sebagai hiburan (Norshafawati, Asiah & Fuziah Kartini, 2010). Antara penyumbang yang penting penghasilan sesebuah muzik yang berkualiti adalah berpaksikan kepada penggubahan muzik daripada pemuzik yang hebat. Fauzi Marzuki merupakan salah seorang

pemuzik negara yang terkenal serta merupakan seorang pencipta lagu, penulis lirik dan penerbit rakaman Malaysia. Beliau antara pemuzik negara yang tidak asing lagi dalam dunia muzik di Malaysia kerana perjuangannya dalam memberi tunjuk ajar kepada pelapis muda dalam menghasilkan karya lagu yang bermutu dan berkualiti tinggi. Beliau telah lama berkecimpung dalam seni penghasilan lagu yang mana sentiasa diterima dalam industri muzik tanah air sehingga kini.

Selain daripada mempunyai latar belakang muzik yang luas serta perjalanan hidup yang menarik sepanjang berkecimpung dalam dunia muzik, beliau juga turut berkolaborasi bersama syarikat rakaman antarabangsa dan artis-artis tempatan yang terkenal. Oleh itu, beliau merupakan antara pemuzik yang mempunyai pengalaman dan berbakat dalam merakamkan pelbagai genre seperti pop, rock, tradisional dan lain-lain.

Latar Belakang

Fauzi Bin Marzuki atau dikenali sebagai Fauzi Marzuki antara komposer yang disegani dalam industri muzik tanah air. Buktinya, lagu-lagu hasil sentuhan beliau seperti Kekasih Awal dan Akhir nyanyian Jamal Abdillah, Lagenda nyanyian Sheila Majid, Pada Syurga Di Wajahmu nyanyian Nash, dan Kian nyanyian Mawi menjadi siulan sehingga kini. Pada usia 64 tahun beliau masih aktif bergiat dalam dunia hiburan tanah air sebagai pemuzik negara. Beliau dilahirkan di Kampung Tawas, Ipoh, Perak pada 21 September 1955. Minat Fauzi Marzuki terhadap dunia seni muzik mula terbit ketika beliau berusia 12 tahun. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Jalan Pasar 1, Pudu Kuala Lumpur dari tahun 1962 hingga 1967. Sekolah menengah beliau ialah Sekolah Menengah Aminuddin Baki, Jalan Kampung Pandan, Kuala Lumpur dari tahun 1968 hingga 1972. Kemudian beliau meneruskan pengajian di peringkat tingkatan 6 Sekolah Menengah Alam Shah Kuala Lumpur pada tahun 1973. Seterusnya, beliau menyambung di peringkat pengajian tinggi di Institut Teknologi Kebangsaan (sekarang UTM) pada tahun 1973 hingga 1976 dalam jurusan elektrik.

Usia 17 tahun Fauzi Marzuki bermula dengan menganggotai kumpulan Chandra Gutta yang mana merupakan kumpulan pertama beliau. Seterusnya,

pada usia 19 tahun beliau turut menganggotai kumpulan Discovery, yang mana melalui kumpulan ini, beliau mula berjinak dan belajar mengenai hal-hal rakaman, penerbitan dan lain-lain. Setelah kumpulan ini berpecah pada tahun 1978, seterusnya beliau menganggotai kumpulan muzik yang mengiringi persembahan Anita Sarawak selama setahun. Dalam kumpulan ini, beliau mendapat banyak pengalaman kerana berpeluang membuat persembahan di beberapa buah negara.

Pada tahun 1979, beliau meninggalkan kumpulan tersebut untuk menumpukan perhatian dalam bidang penerbitan lagu yang mana telah berjaya menerbitkan album pertama beliau iaitu "Ibu" nyanyian kumpulan Blues Gang. Pada tahun 1983, beliau dilantik sebagai Pengurus A&R (Pengurus Artis & Repertoire) di Syarikat EMI Malaysia. Di situ beliau berpeluang menerbitkan lebih banyak album dan mendapat pengalaman dari segi pengurusan muzik serta berpeluang menimba pengalaman bekerjasama dengan studio-studio muzik terkenal dunia seperti Abbey Road Studio (London), Toshiba EMI Studio (Tokyo) dan juga Capitol Studios (Los Angeles). Hasil daripada kerjasama ini menjadikan beliau satu-satunya penerbit muzik yang mempunyai pengalaman dan bakat dalam merakamkan pelbagai genre muzik. Dalam masa yang sama beliau juga merupakan pemain gitar kumpulan muzik yang mengiringi persembahan artis terkenal iaitu Sudirman sehinggalah Sudirman jatuh sakit dan akhirnya meninggal dunia. Selain daripada bekerja sebagai Pengurus Artis & Repertoire dan pemain gitar, beliau juga dilantik sebagai Pengarah semasa pembentukan MACP Berhad (*Music Authors Copyright Protection*) yang telah menjadi sebuah "*Collection Bodies*" yang paling berjaya di Asia.

Pada tahun 1997, setelah empat tahun menjadi penerbit album bebas dan menerbitkan banyak album artis-artis tempatan, beliau ditawarkan sebagai Pengurus & Jurutera Audio di sebuah studio yang terancang di rantau Asia Tenggara iaitu Synchrosound Studio. Sejak tahun 2001 sehingga kini beliau menguruskan studio rakamannya iaitu FauziMarzuki Productions yang menjalankan kerja-kerja *Mixing and Mastering* kepada kebanyakan album-album artis tempatan. Sehingga kini, beliau masih aktif menerbitkan album artis-artis tempatan dan aktif mencipta lagu-lagu korporat bagi agensi awam dan swasta. Sepanjang penglibatan Fauzi Marzuki dalam industri muzik tanah air, beliau dianugerahkan lima anugerah komposer dari stesen penyiaran

awam dan swasta. Dengan pengalaman yang diperolehi, beliau juga dilantik sebagai Jurutera Pengadun Penyiaran (*Broadcast Mixing Engineer*) dan tenaga pengajar untuk stesen-stesen televisyen awam dan swasta sejak tahun 2016. Malah sehingga kini beliau juga berkhidmat sebagai Pensyarah Sambilan di ASWARA dalam bidang *Mixing & Mastering*.

Pengalaman dalam bidang muzik

Nama Fauzi Marzuki seketika dahulu sungguh gah kerana beliau berkecimpung dalam industri muzik tanah air dari dahulu sehingga kini. Beliau mula menceburi dalam industri muzik dengan menganggotai kumpulan muzik yang bernama Discovery yang mana kumpulan ini ditubuhkan sekitar tahun 1975 dengan mempunyai empat orang ahli pada asalnya dan akhirnya mempunyai lapan orang ahli. Ahli-ahli dari kumpulan Discovery terdiri daripada Fauzi Marzuki sebagai pemain gitar, Go Bon Hoo sebagai pemain keyboard, Abdul Nasser bin Abdul Kassim sebagai pemain bass, Saad bin Abdul Kadir sebagai pemain dram, Yanto sebagai pemain saksofon, Ramli sebagai pemain trumpet, Amir sebagai pemain saksofon tambahan dan juga penyanyi perempuan seorang bernama Fauziah Ali. Antara kejayaan terbesar kumpulan Discovery ketika itu adalah mereka berjaya menandatangani kontrak bersama syarikat rakaman EMI untuk membuat rakaman muzik sekaligus membuat persembahan di Hotel Shangri-La, Singapura selama setahun. Ini merupakan satu-satunya kumpulan muzik tempatan pertama yang berjaya membuat persembahan di luar Malaysia.

Sekitar tahun 1978, kumpulan Discovery berpecah lalu beliau meninggalkan kumpulan tersebut dan menganggotai kumpulan muzik yang mengiringi penyanyi Anita Sarawak. Ketika bersama kumpulan muzik Anita Sarawak, beliau diberi peluang untuk membuat pertunjukan di luar negara seperti Jepun, Hong Kong, Manila, Singapura dan juga Australia. Manakala, pada tahun 1979, beliau meninggalkan kumpulan muzik Anita Sarawak untuk menceburi bidang penerbitan lagu. Pada tahun 1980, beliau memulakan kerjaya beliau dalam bidang penerbitan lagu dengan menerbitkan album Ibu daripada kumpulan Blues Gang, Di Taman Teman nyanyian Dato' Sri Siti Nurhaliza dan sebagainya.

Pembabitan dalam bidang muzik

Mempunyai kerjaya sebagai komposer, Pengurus A&R serta penerbit lagu memberi peluang kepada beliau untuk berkolaborasi serta bekerjasama dengan artis-artis tanah air yang termahsyur. Antara artis terkenal yang bekerjasama dengan beliau adalah Allahyarham Sudirman, Jamal Abdillah, Sheila Majid, Dato' Siti Nurhaliza, Sharifah Aini, Noorkumalasari, Aman Shah, Rahimah Rahim, Mawi, Shima, Kumpulan Freedom serta ramai lagi. Kolaborasi adalah merupakan kerjasama yang melibatkan kemahiran komunikasi. Ia adalah kemahiran yang perlu dipraktikkan supaya hasilnya akan tampak sempurna (PALA, 2017). Antara kolaborasi Fauzi Marzuki yang paling tidak dilupai ialah kolaborasi beliau bersama artis tersohor tanah air iaitu Dato' Siti Nurhaliza. Beliau menyifatkan bahawa artis anak emas negara itu merupakan artis yang serba boleh dan berbakat. Oleh itu, beliau banyak mengubah lagu kepada penyanyi ini. Selain itu juga, antara lagu beliau yang turut menjadi fenomena di negara pada ketika dahulu adalah lagu Jejak Idaman nyanyian Raja Ema. Fauzi Marzuki mencipta lagu tersebut ketika beliau sedang berada di dalam sebuah kapal terbang ketika menuju ke Kuala Lumpur dari Pulau Pinang bersama penyanyi terkenal Herman Tino (Aini Roshidah Ahmad Mawawi, 2017).

Menjadi komposer serta penerbit lagu dan album membuka peluang yang luas kepada beliau untuk bekerjasama dan berkolaborasi dengan studio-studio terkenal di luar negara. Antara studio-studio yang beliau bekerjasama ialah Abbey Road Studio di London, Syarikat Toshiba EMI Studio dan Capitol Studio di Los Angeles. Beliau merupakan seorang penerbit album ketika bekerjasama dengan Abbey Road Studio dan saat itu beliau ditugaskan untuk membuat rakaman lagu yang dipertandingkan oleh Allahyarham Sudirman iaitu *One Thousand Million Smiles*. Selain daripada itu, beliau turut berkolaborasi bersama syarikat Toshiba EMI Studio ketika mengubah lagu Sinaran bagi album Sheila Majid. Beliau turut menyatakan proses rakaman di sana amat mudah kerana disediakan peralatan yang begitu canggih dan berteknologi tinggi. Malah, beliau turut menceritakan beberapa pengalaman yang ditimba oleh beliau ketika membuat rakaman di studio-studio luar negara yang terkemuka itu.

Pada tahun 2005, beliau mula menceburkan diri dalam bidang penyiaran dan jurutera pengadun muzik di stesen-stesen televisyen. Selain daripada itu, beliau juga dilantik sebagai tenaga pengajar di stesen-stesen televisyen terkemuka tanah air seperti RTM dan juga ASTRO. Beliau ditawarkan untuk bekerja di kedua-dua stesen televisyen tersebut melalui pertolongan serta bantuan dari rakan-rakan beliau yang yakin dengan bakat beliau serta turut mempromosikan diri beliau di stesen-stesen televisyen tersebut.

Manakala pada tahun 2017, Fauzi Marzuki dilantik sebagai pensyarah sambilan di ASWARA di dalam program kursus Ijazah Kejuruteraan Audio. Beliau ditugaskan untuk mengajar teknik pengadunan dan penguasaan lagu. Tujuan utama beliau mengajar itu lebih kepada untuk menurunkan ilmu dan pengalaman kepada orang-orang baru serta pelajar beliau supaya mereka lebih bersedia dan mendapat pengalaman yang cepat, betul dan secukupnya.

Pencapaian dan Anugerah yang diperolehi

Sepanjang penglibatan Fauzi Marzuki dalam industri muzik tanah air, beliau dianugerahkan beberapa penghargaan hasil daripada sentuhan beliau. Hal ini menunjukkan penghargaan sepanjang penglibatan beliau dalam industri muzik tanah air. Antara pencapaian beliau ialah menerima lima anugerah komposer yang diadakan di stesen-stesen penyiaran awam dan swasta seperti TV3 dan RTM (Radio Televisyen Malaysia). Antara anugerah-anugerah tersebut ialah:

- “Pujaan 10 Nescafe” beliau memenangi Juara Artis Solo melalui lagu Kekasih Awal dan Akhir.
- Juara Artis Kumpulan; Di Alam Fana Cinta melalui artis Kumpulan Fotograf.
- Juara kategori Balada dalam program Juara Lagu TV3.
- Anugerah Nadi Cipta (Macp).
- Anugerah Wirama (Aim).

Cabaran dalam penghasilan sesebuah karya

Terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh Fauzi Marzuki sepanjang beliau berkecimpung dalam dunia seni dan muzik tanah air. Antara cabaran yang dihadapi beliau adalah ketika menjadi Pengurus A&R di Syarikat Rakaman EMI Malaysia. Menurut Fauzi Marzuki, beliau menyatakan bahawa bukan mudah untuk mengurus artis kerana beliau harus berurusan dengan perandai serta karenah artis ketika dalam proses kerjasama penghasilan sesebuah karya muzik. Selain itu juga, beliau harus pandai mengatasi sesuatu situasi jikalau terpaksa menguruskan artis yang mempunyai kepelbagaian idea dalam pembuatan serta penghasilan lagu. Setelah berkecimpung bertahun lamanya dalam industri muzik, beliau menyatakan bahawa menjadi seorang pencipta lagu terutamanya pencipta lagu bebas, cabaran yang perlu dihadapi oleh beliau serta rakan seperjuangan adalah mereka tidak mempunyai sumber pendapatan yang tetap. Oleh itu, mereka harus bekerja keras demi mendapat sumber pendapatan yang mencukupi. Ini disebabkan oleh pertunjukkan serta persembahan kini semuanya 'percuma' kerana masyarakat zaman kini kian selesa dengan menonton hanya di Youtube dan tidak dikenakan sebarang bayaran (Mazir Ibrahim, 2010). Turut dinyatakan juga bahawa komposer pada zaman kini makin bertambah tetapi ianya tidak menjadi halangan kepada beliau selagi beliau masih mengekalkan kualiti serta kredibiliti beliau sebagai komposer serta pencipta lagu.

Nasihat dan Harapan

Fauzi Marzuki menitipkan beberapa pesanan dan nasihat kepada penyanyi atau sesiapa sahaja yang ingin menceburkan diri dalam dunia industri muzik. Antaranya ialah ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang pemuzik atau penyanyi iaitu sikap rajin seperti rajin mendengar dan rajin berlatih. Selain itu, bakat juga merupakan ciri yang penting untuk menjadi pemuzik dan penyanyi yang bagus serta diiringi dengan latihan dan banyak mendengar. Secara tidak langsung, seseorang itu dapat perbaiki diri dalam membentuk identiti sendiri sama ada dari segi identiti peribadi ataupun identiti nyanyian. Harapan beliau dalam industri muzik agar industri ini terus berkembang dan peningkatan kualiti muzik. Beliau juga berhasrat untuk melihat industri muzik masa kini berjaya diterima di peringkat antarabangsa bukan setakat berjaya di Malaysia sahaja.

Kesimpulan

Kesimpulannya, nama komposer Fauzi Marzuki sememangnya tidak asing lagi bagi dunia seni hiburan tanah air era 1990-an. Lagu-lagu ciptaannya bukan sahaja mendapat tempat di hati peminat muzik bahkan lagu-lagu tersebut juga menaikkan nama ramai artis-artis popular. Buktinya lagu-lagu ciptaan beliau seperti Pusara di Lebuhraya, Jejaka Idaman, Kekasih Awal dan Akhir masih lagi menjadi siulan sehingga ke hari ini. Hal ini menunjukkan keajaiban sentuhan Fauzi Marzuki dalam dunia muzik sepanjang penglibatan beliau. Sentuhan berbisa dalam dunia hiburan seperti ini perlulah dikekalkan kerana ianya merupakan aset negara. Oleh itu, seniman seperti Fauzi Marzuki yang banyak memberi sumbangan dalam memperjuangkan dan memartabatkan seni muzik tanah air perlu dihargai dan disegani oleh semua lapisan masyarakat terutamanya di dalam kelompok industri muzik tanah air.

Rujukan

- Aini Roshidah Ahmad Mawawi. (2017, Disember 3). *Fauzi Marzuki Gubah Lagu Dalam Kapal Terbang*. Diakses dari <http://www.utusan.com.my/hiburan/fauzi-marzuki-gubah-lagu-dalam-kapal-terbang-1.565529>
- Fauzi Marzuki. *Temubual Sejarah Lisan: Biografi Pemuzik Negara-Fauzi Marzuki* pada 06 April 2019
- Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2010). *Muzik Dan Pembangunan Sosial: Paparan Dasar Industri Hiburan Dalam Akahbar-Akhbar Di Malaysia*. Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication Jilid 26(2): 47-65. Diakses dari Http://Journalarticle.Ukm.My/1905/1/V26_2_4.Pdf
- Mazir Ibrahim. (2010) *Teknologi dan Muzik: Satu Kritik*. Diakses pada 12 Jun 2019, di <http://jalantelawi.com/2010/12/teknologi-dan-muzik-satu-kritik/>
- PALA. (2017, November 6). *3 ways to collaborate with a music producer*. Diakses pada 12 jun 2019, di <https://splice.com/blog/3-ways-to-collaborate-with-a-music-producer/>